

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	20 JULY 2016

# HSR pengubah strategi Malaysia, Singapura

UM - 20/7/2016

Oleh MUZDALIFAH MUSTAPHA dan SOFIAN BAHAROM  
pengarang@utusan.com.my

■ PUTRAJAYA 19 JULAI

**P**ROJEK Rel Berkelajuan Tinggi (HSR) antara Malaysia dan Singapura yang dijadualkan siap pada tahun 2026 akan memberi kelebihan terhadap pembangunan kedua-dua negara menerusi penjana ekonomi, gaya hidup dan nilai hartanah.


Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak dan Perdana Menteri Singapura, Lee Hsein Loong yakin HRS yang mencerminkan kemakmuran Malaysia dan Singapura itu juga akan menjana pembangunan ekonomi di bandar-bandar di sepanjang laluan dan bukan di Lembah Klang dan Singapura semata-mata.

Memorandum persefahaman (MoU) projek itu ditandatangani hari ini dengan disaksikan oleh kedua-dua Perdana Menteri tersebut di Seri Perdana di sini.

Malaysia diwakili Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Abdul Rahman Dahlan dan Singapura diwakili Menteri Pengangkutanannya, Khaw Boon Wan.

Bercakap dalam sidang akhbar, Najib berkata, Malaysia dan Singapura sememangnya bertuah kerana menerusi projek ikonik itu pelbagai pihak sama ada domestik dan antarabangsa telah lama menawarkan pengalaman dan kepakaran.

Menurutnya, pada peringkat ini, Malaysia dan Singapura lebih menumpukan pada perjanjian hubungan dua hala yang dijangka akan ditandatangani pada penghujung tahun ini.



NAJIB TUN RAZAK bersalaman dengan Lee Hsein Loong selepas menyaksikan majlis menandatangani memorandum persefahaman Projek Rel Berkelajuan Tinggi di Putrajaya, semalam. - UTUSAN/ZAKI AMIRUDDIN

Katanya, kedua-dua negara kemudiannya akan mewujudkan satu jawatankuasa yang dianggotai oleh MyHSR Corporation, Pihak Berkuasa Tanah Singapura dan agensi-agensinya berkaitan untuk mengawal selia pelaksanaan HRS yang dikendalikan oleh syarikat yang dilantik.

Perdana Menteri yakin HRS yang akan membuka kira-kira 30,000 peluang pekerjaan dan menjana ekonomi untuk kedua-dua negara bakal meningkatkan prospek ekonomi di peringkat luar bandar terutama laluan HRS iaitu di Seremban, Melaka, Muar, Batu Pahat dan Johor.

"Bayangkan pada 2026 gaya

hidup masyarakat di Malaysia dan Singapura akan berubah menjadi satu bandar yang besar. Ekonominya pasti akan menjadi lebih rancak. Dalam tempoh 90 minit sahaja kita sudah boleh menyeberangi lautan ke negara jiran.

"Lebih menarik, kita akan minum pagi di Kuala Lumpur, kemudian makan tengah hari di Singapura dan makan malam di Kuala Lumpur. HRS ternyata memperlihatkan konsep kejiranan dan kerjasama Malaysia dan Singapura benar-benar kekal dan ditingkatkan," katanya.

Menurut Najib, Malaysia dan Singapura setakat ini tidak meletak-

kan sasaran untuk kos pelaksanaan projek tersebut kerana mengambil kira pelbagai aspek terutama perubahan teknologi yang melibatkan dalam proses pembinaannya.

Sementara itu, Hsein Loong berkata, sememangnya tempoh 10 tahun untuk melaksanakan HRS adalah waktu yang amat singkat, bagaimanapun kedua-dua negara percaya kerja keras yang telah dijalin sejak tiga tahun lalu akan membuahkan hasil.

Katanya, Malaysia dan Singapura amat komited dalam melaksanakan HRS justeru, sehingga hari ini segala keputusan dan isu berkaitan pelaksanaan dapat ditangani dengan harmoni.

Menurutnya, begitu juga dalam isu pemilihan tender kedua-dua negara akan memastikan segala proses adalah telus dan adil kerana paling penting adalah mengekalkan misi dan objektif iaitu untuk pelaksanaan HRS.

"Kami melihat HRS lebih memberi peluang dan rakyat di kedua-dua negara, itu yang diharapkan agar membangunkan ekonomi sama ada secara langsung atau tidak langsung. Kita akan dapat melihat impak HRS apabila ia siap beroperasi sepenuhnya," katanya.

Cadangan projek landasan sejauh 350 kilometer dan mempunyai lima transit iaitu Seremban (Negeri Sembilan), Ayer Keroh (Melaka), Muar, Batu Pahat dan Iskandar Puteri di Johor itu akan bermula dari Kuala Lumpur dan berakhir di Jurong East di Singapura.

Malaysia dan Singapura merupakan rakan dagang kedua terbesar di peringkat global dan rakan dagang terbesar dalam kalangan negara ASEAN.